

## KEMUDAHAN MESRA OKU DI MASJID BANDAR SERI PUTRA: KE ARAH MASJID INKLUSIF

**NORITA KAMARUDDIN**

Fakulti Syariah Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
[norita@uis.edu.my](mailto:norita@uis.edu.my)

**AHMAD FAHMI MOHAMAD**

Imam Masjd Bandar Seri Putra

### ABSTRAK

*Masjid sebagai pusat keagamaan memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan dan kemudahan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dalam masyarakat. Masjid Bandar Seri Putra turut aktif dalam menerapkan inisiatif untuk meningkatkan aksesibiliti dan penyertaan OKU dalam aktiviti keagamaan dan sosial. Kajian ini bertujuan untuk meninjau inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Masjid Bandar Seri Putra dalam menyokong OKU. Objektif kajian ini termasuk mengenal pasti kemudahan fizikal yang disediakan, menilai program-program khas untuk OKU, mengkaji sokongan masyarakat, menganalisis kerjasama dengan agensi luar, serta menghuraikan cabaran dan cadangan untuk meningkatkan kesan positif inisiatif ini terhadap kehidupan OKU. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul data melalui temu bual dengan pentadbir masjid, sukarelawan, dan komuniti OKU yang terlibat. Data juga diperoleh melalui pemerhatian terhadap kemudahan fizikal di masjid, dokumentasi program-program yang dijalankan, serta analisis terhadap reaksi masyarakat terhadap inisiatif ini. Penelitian ini penting kerana ia memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan masjid dalam masyarakat untuk menyokong OKU. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan dasar dan program yang lebih berkesan dalam memenuhi keperluan komuniti OKU dalam konteks keagamaan dan sosial. Dapatkan awal menunjukkan bahawa Masjid Bandar Seri Putra telah berjaya menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian untuk OKU, termasuk laluan tanpa halangan, tempat letak kereta khas, dan akses ke bilik solat. Program-program khas seperti bimbingan agama dan ada penterjemah khas turut berjaya menarik penyertaan aktif dari OKU. Sokongan masyarakat terhadap inisiatif ini juga memberi impak positif kepada kehidupan sosial dan keagamaan OKU di dalam komuniti. Secara keseluruhan, kajian ini menggariskan bahawa Masjid Bandar Seri Putra bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai agen integrasi sosial yang memperjuangkan hak-hak dan kesejahteraan OKU. Cadangan untuk masa depan termasuk penambahbaikan lebih lanjut dalam infrastruktur fizikal, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keperluan OKU, dan memperluas program sokongan bagi memastikan masjid ini benar-benar inklusif untuk semua ahli komuniti.*

**Kata kunci:** Kemudahan, mesra OKU, Masjid Bandar Seri Putra, Inklusif

### PENGENALAN

Masjid adalah sebuah institusi penting dalam sistem pentadbiran Islam di mana semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan orang Islam sepatutnya dijalankan di dalam masjid. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah bagi umat Islam, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan sosial dan pendidikan. Untuk memastikan semua ahli komuniti, termasuk mereka yang kurang upaya (OKU), dapat mengakses dan menikmati kemudahan ini, masjid perlu menyediakan persekitaran yang inklusif dan mesra OKU. Masjid Bandar Seri Putra merupakan salah satu masjid di Malaysia yang telah mengambil inisiatif ini dengan menyediakan pelbagai kemudahan mesra OKU. Kajian ini akan mengkaji kemudahan yang disediakan di masjid ini serta impak positifnya terhadap komuniti OKU melalui metodologi, daptan kajian, dan perbincangan. Kajian ini

juga cuba meneliti kesempurnaan aksesibiliti yang disediakan oleh institusi masjid masa kini dapat diakses dan menggunakan prasarana tersebut dengan sempurna oleh golongan OKU.

## LATAR BELAKANG

Di Malaysia, OKU ditakrifkan sebagai “mereka yang mempunyai kekurangan jangka Panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat” (Akta Orang Kurang Upaya 2008).

Menurut Abd Aziz Mohd Zin (2009), OKU boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya anggota dan kurang upaya akal. Mereka menghadapi masalah ketika berhubung dengan orang awam, kesulitan ketika menggunakan kemudahan awam seperti di institusi masjid dan sebagainya. Kajian mengenai kemudahan awam yang disediakan oleh pihak bertanggungjawab sewajarnya dikaji sebagai menjaga kebajikan sosial kepada masyarakat OKU.

Masjid dan surau sepatutnya dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira keupayaan fizikal individu. Perekabentuk profesional perlu mempertimbangkan pelbagai aspek dalam pembinaan masjid, terutama bagi memastikan keterangkuman orang kurang upaya (OKU). Setiap jenis ketidakupayaan mempunyai keperluan berbeza dalam menggunakan fasiliti ibadah ini. Bagi OKU yang menghadapi masalah mobiliti, persekitaran yang mudah diakses sangat penting untuk membolehkan mereka berdikari dan bergerak bebas. Kemudahan mesra OKU di masjid merupakan aspek penting dalam usaha mewujudkan masyarakat inklusif.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan pada temu bual mendalam dan pemerhatian langsung. Lokasi kajian ialah Masjid Bandar Seri Putra. Sumber data utama adalah temubual dengan Ustaz Ahmad Rozaimi bin Mohamed seorang jurubahasa isyarat dan Imam Ahmad Fahmi bin Mohamad yang bertugas di Masjid Bandar Seri Putra. Selain itu, kaedah observasi dilakukan untuk menilai kemudahan fizikal yang disediakan oleh masjid tersebut. Data tambahan dikumpulkan melalui tinjauan literatur yang relevan dan dokumen berkaitan yang diperoleh dari pihak masjid.

## PERANAN MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN DAN PEMBINAAN UMMAH

Rasulullah SAW menjadikan masjid sebagai pusat pengajaran untuk para sahabat mengenai ajaran Islam serta pembinaan mental dan akhlak mereka. Pada masa itu, masjid berfungsi sebagai sekolah di mana Rasulullah SAW bertindak sebagai guru, dan para sahabat sebagai murid yang dahagakan ilmu serta ingin mempelajari Islam dengan lebih mendalam (Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi, 2008). Masjid bukan hanya sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat kegiatan keilmuan yang menjadi rujukan utama dalam hal ehwal agama serta menghimpunkan para ulama untuk menyampaikan ajaran Islam (Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man, 2017).

Tradisi ini juga telah diteruskan oleh para sahabat dan penguasa Islam seterusnya. Dalam perkembangan keilmuan Islam, proses “ta’lim” sering dilakukan di masjid melalui tradisi yang dikenali sebagai “halaqah,” yang melahirkan ramai ulama. Pendidikan di masjid

ditujukan untuk semua peringkat usia dan mencakupi pelbagai bidang. Aktiviti seperti sambutan hari kebesaran Islam, diskusi, kajian agama, ceramah, serta kelas belajar al-Quran dan Fardhu ‘Ain sering diadakan di masjid. Justeru itu, peranan masjid bukan hanya sebagai tempat ibadat semata-mata, tetapi ia juga mempunyai fungsi dan peranan yang besar dalam membangunkan masyarakat, sepetimana firman Allah dalam Surah at-Taubah: 18.

Maksudnya: *Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah SWT ialah orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan Hari kemudian, serta tetap mendirikan shalat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.*

Menurut Norakhyairee dan Ab. Halim (2011), konsep masjid sebagai wahana transformasi ummah menuntut masyarakat Muslim untuk meletakkan peranan institusi masjid setaraf dengan pemasatan aktiviti masyarakat pada era kegemilangan Islam. Ini bermakna, masjid tidak lagi berfungsi semata-mata sebagai pusat kerohanian, tetapi juga sebagai pusat tumpuan masyarakat dalam aspek ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, riadah, dan pelbagai aktiviti lain. Program dan aktiviti seperti ini akhirnya menjadikan masjid sebagai pusat sehenti atau '*One Stop Centre*' yang memenuhi keperluan dan kehendak semua anggota masyarakat, termasuk golongan normal dan golongan OKU.

Kajian oleh Mohd Huzairi (2010) berkaitan peranan masjid dalam pendidikan khusus kepada OKU pekak mendapati bahawa institusi masjid seringkali kelihatan eksklusif untuk golongan normal sahaja, tanpa memberi perhatian yang sewajarnya kepada golongan OKU. Keadaan ini mencetuskan persepsi wujudnya sindrom elit dan eksklusif dalam Islam, yang menafikan sifat al-Rahman dan al-Rahim Allah, serta kepelbagaiannya manusia ciptaan-Nya. Seolah-olah, Islam tidak berhak dimiliki oleh golongan OKU.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Antara dapatan kajian yang akan dibincangkan adalah sejarah penubuhan Masjid Bandar Seri Putra, kemudahan mesra OKU yang terdapat di masjid tersebut dan juga berkaitan program-program kerjasama NGO untuk golongan OKU yang telah dilaksanakan di Masjid BSP.

### ***Sejarah Penubuhan Masjid Bandar Seri Putra***

Masjid Bandar Seri Putra dibina di tapak berkeluasan 3.6 ekar yang terletak di tengah-tengah kawasan strategik di antara kawasan kediaman dan komersial. Berhampiran dengan sekolah agama, sekolah menengah, Universiti Islam Selangor dan mudah diakses masuk melalui Lebuhraya Utara Selatan. Ianya merupakan sebuah masjid yang dibina berkonseptan moden, mesra jemaah termasuk OKU dan lestari. Mula dibina pada tahun 2012 dan siap sepenuhnya pada Oktober 2014. Masjid ini pada asalnya diberi nama Masjid Al-Mustaqim tetapi telah diperkenan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor dengan nama Masjid Bandar Seri Putra semasa perasmian masjid pada 15 Jun 2016.

Masjid ini telah dibina dengan kos berjumlah RM9.4 Juta yang sebahagian besarnya adalah atas keluhuran infaq orang ramai. Masjid ini boleh menampung seramai anggaran 4,000 orang jemaah dalam satu masa. Dewan solat utama boleh menampung anggaran seramai 900 orang dan dewan solat atas pula boleh menampung sejumlah 800 orang, kedua-dua dewan solat ini adalah berhawa dingin sepenuhnya. Masjid ini juga dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan utama seperti bilik kuliah, dewan suffah, pejabat, ruang bacaan,

bilik mesyuarat, bilik pengurusan jenazah, bilik tetamu dan sebagainya (Masjid Bandar Seri Putra, 2024).

### ***Kemudahan Mesra OKU di Masjid Bandar Seri Putra***

Terdapat banyak kemudahan yang disediakan untuk golongan OKU agar mereka selesa untuk beribadah. Antara kemudahan yang disediakan oleh pihak masjid terhadap golongan OKU ialah:

#### **Tempat Letak Kereta Khas**

Kemudahan tempat letak kereta untuk golongan OKU boleh dilihat di bangunan besar kerajaan, masjid-masjid atau di kompleks membeli-belah. Kemudahan aksesibiliti sangat penting kepada golongan OKU kerana mungkin mereka menghadapi kesukaran mendapatkan parkir di sesuatu bangunan. Tempat meletak kereta di masjid-masjid tertentu sukar ditemui akibat ramai rakyat negara ini memiliki kenderaan masing-masing. Kadang kala mengambil masa yang lama untuk mendapatkan tempat letak kereta. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka dengan menyediakan tempat parking khas kepada OKU memandangkan kini golongan ini memiliki kenderaan seperti motorsikal dan kereta. Pihak masjid juga perlu menyediakan beberapa tempat letak kereta khas untuk golongan OKU supaya mereka selesa dan mudah untuk melaksanakan ibadah di masjid.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, Masjid Bandar Seri Putra menyediakan tempat letak kenderaan khas untuk golongan OKU yang terletak lebih dekat dengan pintu masuk masjid. Langkah ini diambil untuk memudahkan golongan OKU beribadah di masjid dengan lebih mudah dan selesa dan memastikan mereka dapat hadir untuk melaksanakan ibadah tanpa sebarang kesulitan.

#### **Tempat Wuduk Khas**

Wuduk merupakan salah satu syarat wajib bagi umat Islam untuk menunaikan ibadah solat. Solat tidak sah jika dilakukan tanpa berwuduk, meskipun ia bukan termasuk dalam rukun solat. Setiap masjid biasanya mempunyai bilik wuduk atau tempat mengambil air wuduk. Tempat wuduk lazimnya dilengkapi dengan kemudahan air paip dan tempat duduk untuk memudahkan jemaah mengambil wuduk dengan sempurna. Untuk kemudahan OKU, tempat wuduk disediakan dengan besi pemegang di bahagian tepi atau dinding bilik wuduk bagi menjaga keselamatan mereka. Ini kerana tempat wuduk biasanya basah dan mungkin licin, meningkatkan risiko jatuh jika ciri-ciri keselamatan tidak diambil kira.

Masjid Bandar Seri Putra menyediakan tempat wuduk yang selesa dan mencukupi untuk orang ramai mengambil wuduk. Malah terdapat juga bilik wuduk yang selesa dan bilik wuduk tersebut diasingkan mengikut lelaki dan perempuan. Namun demikian, berdasarkan temubual pegawai masjid memaklumkan sebelum ini terdapat kemudahan tempat wuduk khas untuk golongan OKU. Walau bagaimanapun tempat wuduk khas tersebut telah hilang dari tempat penyimpanan menyebabkan sehingga kini kemudahan tersebut masih belum dibeli. Walaubagaimanapun, pihak masjid ada menyediakan bangku khas untuk golongan OKU yang hendak mengambil wuduk.

#### **Kemudahan Tandas OKU**

Tandas adalah kemudahan asas yang penting dalam setiap bangunan, sama ada bersaiz kecil atau besar. Ia merupakan elemen penting dalam pembinaan bangunan. Dewasa ini, tandas OKU semakin mudah didapati di banyak bangunan besar. Kemudahan tandas OKU biasanya terletak bersebelahan dengan tandas biasa dan mempunyai label OKU pada pintunya. Tandas OKU dibina serupa dengan tandas orang awam, dilengkapi dengan mangkuk tandas,

pemegang besi sebagai tempat bergantung, pili paip, cermin, dan getah paip, serta kemudahan lain yang diperlukan. Namun begitu, struktur binaan telah membezakan tandas OKU dengan tandas orang awam. Tandas OKU mempunyai saiz dan ketinggian yang tersendiri serta dilengkapi dengan pemegang besi di bahagia tepi atau dinding tandas bagi memudahkan mereka untuk menggunakan tandas sekali gus memberi keselesaan semasa berada di dalam tandas.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati Masjid Bandar Seri Putra dilengkapkan dengan tandas khas untuk golongan OKU sama ada di bahagian lelaki maupun di bahagian perempuan. Penyediaan prasarana tandas khas ini membolehkan golongan OKU menggunakan tandas tersebut dengan selesa.

### **Rampa dan Laluan Mesra OKU**

Rampa dan Laluan Mesra OKU merupakan salah satu kemudahan yang perlu disediakan di dalam sesebuah bangunan, terutamanya di masjid. Laluan khas ini membolehkan golongan OKU menggunakan kerusi roda dengan mudah dan selamat. Lazimnya, penggunaan kerusi roda memerlukan permukaan jalan yang rata dan tidak boleh melalui anak tangga. Oleh itu, laluan khas ini dibina untuk membantu golongan OKU menggunakan kerusi roda dengan mudah, memberikan mobiliti dan aksesibiliti yang lebih baik semasa berada di kawasan masjid.

Berdasarkan pemerhatian, laluan khas pejalan kaki untuk OKU terdapat di Masjid Bandar Seri Putra. Di masjid tersebut menyediakan kemudahan ini di bahagian hadapan masjid dan juga di bahagian belakang masjid. Hal ini memudahkan orang ramai termasuklah OKU memasuki masjid kerana kedua-dua bahagian itu adalah laluan keluar masuk jemaah masjid.

### **Tempat/peralatan Khas Solat OKU**

Kemudahan tempat solat khas untuk golongan OKU jarang ditemui di kebanyakan masjid di seluruh negara. Walau bagaimanapun, beberapa masjid tertentu telah menyediakan alat bantu solat seperti kerusi khas untuk membantu OKU yang menghadapi cabaran fizikal atau kebutaan. Kebanyakan masjid menyediakan kerusi khas ini sebagai kemudahan tambahan untuk memastikan keselesaan golongan OKU semasa melaksanakan ibadah.

Melalui observasi, di Masjid Bandar Seri Putra telah menyediakan kerusi lipat khas dalam jumlah yang banyak untuk golongan OKU yang bertujuan untuk memudahkan golongan OKU melaksanakan solat dengan lebih selesa dan golongan tersebut boleh solat di mana-mana ruangan solat di masjid.

### **Kerusi Roda**

Kemudahan kerusi roda juga disediakan untuk golongan OKU di masjid BSP. Kerusi roda ini disediakan bagi memudahkan pergerakan mereka, terutamanya bagi mereka yang mungkin tidak membawa kerusi roda sendiri. Dengan adanya kemudahan ini, golongan OKU dapat bergerak dengan lebih selesa dan berdikari ketika berada di masjid, sekaligus memastikan mereka dapat melaksanakan ibadah dengan tenang dan sempurna. Ini menunjukkan komitmen masjid dalam menyediakan persekitaran yang inklusif dan mesra OKU, memastikan semua jemaah mendapat akses yang adil dan saksama kepada kemudahan yang disediakan.

Berdasarkan temubual dengan Ustaz Ahmad Fahmi bin Mohamad, Imam 2 Masjid BSP menyatakan bahawa kebanyakan kerusi roda yang terdapat di masjid adalah hasil sumbangan orang ramai. Terdapat hampir 20 buah kerusi roda yang disediakan dan kerusi roda ini akan

diberikan semula kepada golongan yang memerlukan, termasuk masyarakat sekitar qaryah yang memerlukan kemudahan tersebut.

### **Khidmat Jurubahasa Isyarat**

Ustaz Ahmad Rozaimi Mohamed merupakan jurubahasa isyarat di Masjid Bandar Seri Putra dan telah berkhidmat di masjid tersebut sejak tahun 2016 hingga kini. Beliau memperoleh Diploma Bahasa Isyarat dari Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech, Kampus Sri Damansara. Hasil temubual yang dijalankan pada 13 Julai 2024 menunjukkan bahawa khidmat jurubahasa isyarat yang beliau berikan kepada Masjid Bandar Seri Putra meliputi terjemahan teks khutbah dan kuliah, serta pengajaran al-Quran dan asas fardhu ain kepada golongan OKU pekak.

#### i. Terjemahan Teks Khutbah Dan Kuliah

Masjid Bandar Seri Putra telah mengambil inisiatif penting dengan menyediakan khidmat jurubahasa isyarat yang dikendalikan oleh Ustaz Ahmad Rozimi Mohamed untuk menterjemah teks khutbah dan kuliah. Khidmat ini amat berguna untuk golongan pekak, kerana ia membolehkan mereka memahami isi penting yang disampaikan dalam khutbah dan kuliah agama. Jurubahasa isyarat ini berperanan menterjemah secara langsung setiap khutbah jumaat dan kuliah agama bagi memastikan golongan OKU tidak ketinggalan dalam memahami ajaran agama yang disampaikan.

Selain itu, terjemahan jurubahasa isyarat ini turut disiarkan melalui platform media sosial masjid seperti Facebook dan YouTube. Ini memudahkan golongan OKU mengakses maklumat agama secara dalam talian dari mana sahaja mereka berada. Dengan khidmat ini, Masjid Bandar Seri Putra bukan sahaja memperkuuhkan peranannya sebagai pusat ibadah tetapi juga sebagai tempat yang inklusif dan mesra OKU. Ini memastikan setiap ahli komuniti dapat mengakses secara adil terutamanya pendidikan dan maklumat agama.

#### ii. Pengajian Fardhu Ain dan Pengajaran Al-Quran untuk Golongan OKU Pekak

Ustaz Rozaimi telah mengendalikan kelas pengajian fardhu ain dan al-Quran untuk golongan OKU pekak sejak tahun 2016 hingga kini. Kelas ini diadakan setiap hari Ahad, sama ada pada minggu pertama atau ketiga setiap bulan, di bilik kuliah masjid. Namun, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kelas tersebut dijalankan secara dalam talian sahaja kerana terdapat beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan. Pada awalnya, jumlah pelajar OKU yang mengikuti kelas tersebut adalah seramai 20 orang, namun jumlah tersebut semakin berkurangan dari semasa ke semasa sehingga kini kurang daripada 10 orang.

Subjek yang diajar termasuk asas fardhu ain dan hafazan al-Quran. Kaedah pengajaran al-Quran menggunakan bahasa isyarat adalah melalui Kaedah Faqeh atau Huruf Hijaiyyah Arab. Pembelajaran untuk golongan OKU pekak dijalankan melalui interaksi dua hala menggunakan bahasa isyarat, visual, dan kuiz melalui aplikasi. Penghafalan al-Quran pula disemak melalui isyarat dan tulisan; jika pelajar dapat mengingat ayat al-Quran tersebut, bermakna hafalan mereka adalah lancar. Pelajar yang hadir ke kelas ini berumur antara 7 hingga 30 tahun dan kebanyakan mereka dari sekitar Bangi, Kajang dan Bandar Seri Putra.

Menurut Ustaz Ahmad Rozaimi, masjid telah memberikan kerjasama yang baik dengan menyediakan tempat khas untuk sesi pembelajaran dan dewan untuk program seperti kem solat untuk golongan OKU. Namun, sambutan dari masyarakat masih kurang. Cabaran utama dalam mengajar hafazan al-Quran adalah memberi kefahaman kepada pelajar OKU pekak

agar mereka dapat menerima dan mengingat ilmu dengan baik. Sementara itu, dalam mengajar asas fardhu ain, cabarannya termasuk memastikan pelajar mengingat rukun solat, tertib wuduk, dan lain-lain.

Ustaz Rozaimi juga menyatakan bahawa golongan OKU perlu ditanamkan kesedaran tentang pentingnya mempelajari ilmu aqidah dan fiqh supaya iman dan amalan mereka betul. Ibu bapa juga perlu memberikan galakan penuh kepada anak-anak OKU mereka untuk menghadiri majlis ilmu agar dapat dialurkan ilmu dengan lebih berkesan. Dengan sokongan dan dorongan daripada ibu bapa, pelajar OKU ini akan lebih bermotivasi untuk mempelajari ilmu agama, seterusnya membantu mereka mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian (Temubual, 14 Julai 2024).

### ***Perkongsian Pintar (Smart Partnership) Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dan Masjid***

OKU Berdaya Hulu Langat ditubuhkan pada tahun 2015 atas kesedaran untuk menyantuni golongan OKU. Objektif utama penubuhannya ialah untuk membangunkan dan mentarbiahkan OKU dari masa ke semasa dan dari semua segi termasuklah kerohanian, jasmani, keluarga, sosial, ekonomi, politik dan pegangan hidup supaya selari dengan dasar kerajaan. Sebahagian besar aktiviti yang dijalankan merupakan perkongsian pintar (*smart partnership*) bersama masjid di sekitar Hulu Langat seperti Masjid Bandar Seri Putra, Masjid Hasanah dan Masjid Sg Ramal Dalam (Laporan Profile OKUBHL 2018). Antara aktiviti yang telah dijalankan seperti: -

- i. Program Menyantuni OKU
  - Program OKU di hati kami
  - Program OKU Muqarrabun
  - Program Jom Duha
- ii. Kelas bahasa Isyarat dan Braille
- iii. Mengadakan Kem Huffaz Pekak
- iv. Kursus jahitan untuk OKU
- v. Kursus Biz Online

Masjid Bandar Seri Putra pernah menjadi tuan rumah bagi Seminar Ibadah (Masjid) Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 20 Oktober 2018. Program ini melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti kementerian dan agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) OKU, jawatankuasa pengurusan rumah-rumah ibadat, dan pertubuhan agama. Seminar ini bertujuan mendapatkan maklum balas daripada para peserta melalui sesi dialog yang diadakan, serta membincangkan isu-isu berkaitan aksesibiliti dan kemudahan OKU di rumah-rumah ibadat.

## **KESIMPULAN**

Kemudahan mesra OKU di Masjid Bandar Seri Putra menunjukkan komitmen masjid dalam mewujudkan persekitaran yang inklusif dan mesra untuk semua lapisan masyarakat. Langkah-langkah seperti menyediakan tempat letak kereta khas, alat bantu solat seperti kerusi khas, kelas pengajian secara dalam talian, serta khidmat jurubahasa isyarat membuktikan usaha berterusan untuk memastikan golongan OKU tidak ketinggalan dalam menjalankan ibadah dan mendapatkan pendidikan agama. Walaupun terdapat cabaran, seperti penurunan jumlah pelajar dan kekangan selepas PKP, inisiatif-inisiatif ini tetap berperanan penting dalam memudahkan akses dan penyertaan golongan OKU dalam aktiviti masjid. Sokongan

penuh daripada pihak masjid dan dorongan daripada ibu bapa adalah penting untuk memastikan golongan OKU dapat terus mengembangkan ilmu agama mereka. Dengan usaha yang berterusan, Masjid Bandar Seri Putra boleh menjadi contoh masjid inklusif yang lain di seluruh negara.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz bin Mohd Zin. (2009). *Dakwah Islam terhadap OKU*. Universiti Malaya.
- Abd. Wahab, Nor Azlina; Ab. Hamid, Noraffifah; Che Man, Norajila. (2017). Pemerksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal*, [S.L.], V. 5, N. 2, Jan. 2017. Issn 2289-6589.
- Akta Orang Kurang Upaya 2008. Undang-undang Malaysia. Penerbit Nasional Berhad.
- Mohd Huzaifi bin Awang @ Husain Hajarul Bahti binti Zakaria Bani Hidayat bin Mohd Shafie Nor Hayati Fatmi binti Talib Nabiroh Kassim. (2010). Kepentingan Dakwah Kepada Golongan Bermasalah Pendengaran: Satu Keperluan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Ke-4*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 3-4 Ogos 2010)
- Laporan Profile OKUBHL 2018.
- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. 2008. Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Norakyariee Hj. Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. 2011. Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa. (Prosiding) *Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa: Pusat Islam, UTM dan IAIN Ar-Raniry*, Banda Aceh. Halaman: 139.

## **Temu Bual**

Temubual Ahmad Fahmi bin Mohamad (Imam 2). Masjid Bandar Seri Putra. 10 Julai 2024.

Temubual Ahmad Rozaimi bin Mohamad. Jurubahasa Isyarat Masjid Bandar Seri Putra. 14 Julai 2024.

## **Laman Sesawang**

Masjid Bandar Seri Putra. (2024). <https://masjidbsp.org.my/sejarah/>